

STRATEJI PEMBANGUNAN FIMA

1973

KUALA LUMPUR, 20 FEB. (BERNAMA-BP) -- FIMA SENDIRIAN BERHAD TELAH MENCAPAI PERSEFAHAMAN DENGAN BERBAGAI JABATAN-JABATAN KERAJAAN MENGENAI STRATEJI YANG AKAN DIAMBIL BAGI MENGEMBANGKAN PERUSAHAAN MAKANAN DALAM NEGERI INI.

HAL INI DICAPAI DALAM SATU MESYUARAT KHAS DIHADIRI OLEH WAKIL-WAKIL JABATAN PERTANIAN, MARDI, BAHAGIAN KAJITEKNIK MAKANAN DI JABATAN PERTANIAN, PERSATUAN-PERSATUAN PELADANG, JABATAN KERJASAMA, LEMBAGA IKAN DAN FIMA SENDIRI.

PENGERUSI FIMA, DR. MAHATHIR MOHAMAD, YANG MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT TERSEBUT, BERKATA BAHAWA MEREKA TELAH MENCAPAI SEPERFAHAMAN DALAM FUNGSI-FUNGSI JABATAN-JABATAN DAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN YANG TERLIBAT DALAM PERUSAHAAN TERSEBUT.

+ADALAH DIAKUI BAHAWA FIMA SEBAGAI SEBUAH BADAN PERNIAGAAN KERAJAAN HENDAKLAH MEMAINKAN PERANAN YANG ULUNG DALAM PERUSAHAAN-PERUSAHAAN MAKANAN SEMENTARA JABATAN-JABATAN KERAJAAN YANG LAIN MENERUSKAN USAHA MASING-MASING YANG ADA SEKARANG DI BIDANG PENGELUARAN DAN PENYELIDIKAN, + TEGASNYA.

BAHAGIAN KAJITEKNIK MAKANAN DAN MARDI TELAH BERSETUJU MENYERAHKAN KEPADA FIMA HASIL-HASIL PENYELIDIKAN MEREKA DAN JUGA MENJALANKAN KAJIAN-KAJIAN KHUSUS ATAS PERMINTAAN FIMA.

BELIAU MENAMBAH BAHAWA FIMA DALAM MELAKSANAKAN USAHA-USAHANYA AKAN MENKAJI KEMUNGKINAN BEKERJASAMA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT KERJASAMA DAN PERSATUAN-PERSATUAN PELADANG.

FIMA JUGA, TAMBAHNYA, BERSETUJU MENIMBANGKAN KEMUNGKINAN MEMBIAYAI PROJEK-PROJEKNYA DENGAN WANG DARI BANK RAKYAT.

+WALAU BAGAIMANAPUN, SAYA SUKA MENEGASKAN JUGA BAHAWA Sambil mendapatkan koordinasi yang lebih luas dengan badan-badan kerajaan, FIMA akan terus merintis dan menyambut kerjasama yang lebih rapat dengan pihak swasta, + KATANYA. --
BERNAMA-BP 1840/AZ

112